

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: Khamis, 25 Mei 2017 3:46 ptg
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: BERSEDIakah BELIA GALAS CABARAN 2050 - PENGARAH IPDM



25 MEI 2017 / 28 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Bersediakah belia gelas cabaran 2050?



**AHMAD
ZAHARUDDIN
SANI SABRI**

SETIAP negara di dunia perlu transformasi agar mereka kekal relevan bersaing di dunia yang segala-galanya pantas. Malaysia amat beruntung kerana mempunyai gugusan pemimpin yang bukan sahaja memimpin untuk hari ini bahkan merangka hala tuju negara di masa hadapan. Amat jarang pemimpin yang mahu memikirkan melepasi zaman pemerintahan mereka. Ini sebenarnya yang dinamakan pemimpin, yang tidak takut untuk menempuh badai agar bahtera negara tetap belayar dengan gahny.

Akan tetapi setiap yang dirancang, bagi pandangan penulis, harus difokuskan kepada belia, mereka ini yang akan memimpin negara di masa hadapan. Jika kita gagal menyiapkan belia itu adalah seperti sekadar menyediakan bala tentera untuk berperang tanpa memberikan segala ilmu peperangan. Jawapannya pasti bala tentera sebesar mana pun pasti akan tewas jika mental dan fizikal mereka tidak digarap ke arah itu.

Begitu juga dengan negara ini, belia perlu diasah dan diasah agar berdaya saing dan imun dengan cabaran di masa hadapan. Penulis menggariskan empat perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin sekarang dalam menyediakan belia menuju Transformasi Nasional 2050 (TN50);

1. Stigma perkauman perlu dihapuskan

Sudah hampir 60 tahun kita mengecap nikmat kemerdekaan namun toleransi perkauman kita masih rapuh. Lihat sahaja insiden terbaru di Johor di mana pergaduhan tercetus gara-gara kes-kesan lalu lintas hanya kerana solat Jumaat. Ini menunjukkan masih ramai gagal menghayati hidup bermasyarakat, kepentingan individu sering diletakkan melampaui kepentingan umum. Untuk menjadikan negara ini stabil dalam kita perlukan kepada keharmonian hidup bermasyarakat. Ekonomi juga banyak bergantung pada keharmonian hidup ber-



KITA perlu menyediakan belia untuk menggalas cabaran mengemudi negara dan menempuh badai dunia yang semakin mencabar kerana tidak mahu negara yang sekian lama dibina gagal atas kegagalan kita menyediakan pelapis. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

sama, maka sesuatu yang drastik perlu diberi penekanan segera.

Bagi penulis, sudah tiba masanya aliran-aliran sekolah yang pelbagai harus disatukan. Walaupun pastinya kaumnya perkauman tidak setuju tetapi demi masa depan yang gemilang ia terpaksa dilakukan.

2. Menyediakan peluang pekerjaan sesuai zaman

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, Kira-kira 65 peratus pekerjaan sedia ada di negara ini diramal tidak wujud lagi pada 2027. Ini semuanya kerana dunia bergerak terlalu pantas dan penguasaan ekonomi digital menggantikan ekonomi tradisi. Itu pada tahun 2027 iaitu 10 tahun mendatang, bayangkan pada tahun 2050, mungkin 90% dari pekerjaan semasa akan terhapus.

Persoalannya, sudah bersediakah generasi pelapis dengan perubahan drastik ini? Apakah belia sekarang sudah didedahkan dengan perkembangan teknologi semasa yang cepat berubah dari semasa ke semasa? Persoalan yang lebih utama, bagaimanakah mereka untuk menyara kehidupan di masa hadapan jika tiada pekerjaan yang boleh diberikan? Maka Kementerian Sumber Manusia perlu segera memainkan

peranan dan memahami generasi muda supaya langkah yang pro aktif boleh diambil sekarang.

3. Memberi peluang memimpin

Daripada 222 ahli parlimen Malaysia hanya tinggal tidak sampai lima orang yang masih layak bergelar belia. Ini menunjukkan betapa rendahnya kepercayaan kepada belia diberikan oleh parti politik terhadap golongan pelapis ini. Bagaimanakah mereka dapat mengutip pengalaman jika peluang tidak diberikan? Pendidikan sebagai *front runner* amat perlu sebagai persediaan menggalas tanggungjawab yang lebih besar.

Bagi penulis setiap parti harus memperuntukkan sekurang-kurangnya 25% dari keseluruhan kerusi kepada orang muda. Kesimpulannya sebagai negara sedang membangun kita memerlukan ramai pemimpin yang bijak dan berkesan dan ia hanya boleh terjadi jika golongan pelapis ini diberi peluang untuk terlibat sama dalam membangunkan negara.

4. Rombakan kepada sistem pendidikan

Untuk memastikan belia negara bersedia untuk menghadapi cabaran mendatang kita memerlukan perubahan besar terhadap sistem pendidikan negara. Ketika ini kita lebih kepada sistem peperiksaan dan teori semata-mata sedangkan pada masa yang sama dunia banyak dipacu oleh teknologi. Belia harus disiapkan

dengan teknologi-teknologi ini agar negara ini tidak ketinggalan dan dianggap 'buta teknologi'.

Pembelajaran bersemuka sudah dianggap tidak lagi sesuai. Bentuk pembelajaran secara interaktif dan mobiliti harus diberi penekanan oleh Kementerian Pelajaran. Pada masa sama kaedah pembelajaran atas talian serta pembelajaran secara *hands on* perlu diterapkan secara berperingkat supaya kita tidak jauh ketinggalan dengan negara lain, terutamanya Singapura.

Walaupun TN50 masih dalam bentuk perancangan, bagi penulis fokus utama masih lagi terhadap menyediakan belia untuk menggalas cabaran mengemudi negara. Maka kita harus memikirkan bagaimana untuk menyediakan mereka menempuh badai dunia yang semakin mencabar. Kata bijak pandai, jika mahu melihat jatuh bangun sesebuah negara itu di masa depan, maka lihatlah bagaimana keadaan generasi mudanya hari ini.

Oleh itu, penekanan terhadap belia adalah sesuatu yang serius, kerana kita tidak mahu negara ini yang sekian lama dibina gagal atas kegagalan kita menyediakan pelapis. Untuk itu ingatlah apa yang dikatakan oleh pemimpin ulung India, Mahatma Gandhi, Masa depan tergantung pada apa yang kita lakukan saat ini.

DR. AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI dari Universiti Utara Malaysia

Utusan Malaysia (25/5/2017) MS 11 (Rencana)



BACHELOR



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.